

1976
SELAMA, 13 FEB. (BERNAMA)-- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENEGUR SIKAP KEBANYAKAN GURU WANITA BERIJAZAH YANG TERLALU MEMILEH TEMPAT BERTUGAS, TERUTAMANYA DI BANDAR DAN DI NEGERI MEREKA SENDIRI.

KATANYA, KEBANYAKAN SUAMI MEREKA BERTUGAS DI BANDAR-BANDAR BESAR SEPERTI KUALA LUMPUR, IPOH DAN PULAU PINANG.

JIKA KEMENTERIANNYA MELAYANI KEHENDAK MEREKA INI SEMATA-MAA KERANA HENDAK MENJAGA KESELESAAN HIDUP, AKAN TERLALU RAMAI GURU-GURU BERIJAZAH BERTUGAS DI BANDAR-BANDAR BESAR.

INI MENYEBABKAN MEEKA TERPAKSA MENGAJAR DI TINGKATAN BAWAH SEPERTI TINGKATAN SATU, DUA ATAU TIGA, KATANYA KETIKA MERASMIKAN BANGUNAN BARU BERHARGA \$80,000 SEKOLAH KEBANGSAAN BANGGOL JAS DI SIM

JIKA KEADAAN INI BERLAKU, APA PULA HALNYA DENGAN SEKOLAH-SEKOLAH DI LUAR BANDAR YANG BENAR-BENAR DAHAGAKAN PERKHIDMATAN GURU-GURU SISWAZAH.

DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHWA PERKHIDMATAN PELAJARAN DI SEMUA PERINGKAT IALAH UNTUK MENUNAIKAN KEHENDAK NEGARA SUPAYA PELAJARAN DAPAT DISAMPAIKAN KEPADA MURID DAN PELAJAR. -- BERSAMBUNG 1725/IB

MAHATHIR - LEAD 2 SELAMA

PERKHIDMATAN PELAJARAN TIDAK DIADAKAN KERANA HENDAK MEMENUHI KEHENDAK MENTERI ATAU MANA-MANA KAKITANGAN YANG TERLIBAT.

SEKIRANYA ADA PERTENTANGAN ANTARA KEPENTINGAN ORANG PERSEORANGAN DENGAN KEPENTINGAN PELAJARAN, MURID DAN PENUNTUT, MAKA YANG PATUT DIUTAMAKAN IALAH PELAJARAN MURID DAN PENUNTUT.

+JIKA KITA SEDAR TUJUAN PERKHIDMATAN PELAJARAN, BANYAK MASALAH PELAJARAN DAPAT DIATASINYA, + KATANYA.

TETAPI, KADANGKALA DAN MALAH KERAPKALI, KEPENTINGAN DAN KEPUTUSAN PELAJARAN MURID DILUPAKAN SEMENTARA KEHENDAK DAN KEINGINAN PIHAK LAIN YANG DITAMAKAN.

PERKARA INI BERLAKU SEOLAH-OLAH PERKHIDMATAN PELAJARAN DIADAKAN SUPAYA PIHAK LAIN TERMASUK MENTERI MENDAPAT KERJA DAN KEHIDUPAN YANG SELESA.

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN MAT ISA DALAM UCAPANNYA, MENYERU IBU BAPA DAN GURU-GURU SAMA-SAMA MENYELESAIKAN PELAJARAN ANAK-ANAK. -- BERSAMBUNG 1730/IB

MAHATHIR 3 SELAMA

DR. MAHATHIR KEMUDIAN MERASMIKAN BANGUNAN BARU SEKOLAH KEBANGSAAN TELOK MEDAN, BAGAN SERAI.

DALAM UCAPANNYA BELIAU MENYEBUTKAN ENAM SYARAT UNTUK MEMBOLEHKAN CALUN SRP-LCE YANG GAGAL MELANJUTKAN PELAJARAN KE TINGKATAN EMPAT, MENGULANG SEMULA DI TINGKATAN TIGA.

SYARAT ITU IALAH TIDAK PERNAH MENGULANG SEBELUMNYA, LAHIR PADA DAN SELEPAS 1959 BAGI KELAS PERALIHAN DAN 1960 SERTA SELEPASNYA BAGI MURID LAIN, MENDAPAT JUMLAH UNIT 38 HINGGA 40 BAGI CALUN PANGKAT B.

CALUN-CALUN PANGKAT C DAN S HENDAKLAH LULUS SEKURANG-KURANGNYA ENAM PELAJARAN, TIMBANGAN DIBERIKAN SEKIRANYA ADA TEMPAT KOSONG DAN MEREKA YANG DIBENARKAN BELAJAR DI SEKOLAH ALIRAN INGGERIS DIKENAKAN BAYARAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH

SEKOLAH-SEKOLAH TERSEBUT - SEKOLAH MENENGAH JALAN KOLAM AIR, SEKOLAH MENENGAH ALAM SHAH DAN SEKOLAH MENENGAH SULTAN ABDUL HALIM, JITRA HANYA BOLEH MENERIMA 180 ORANG PELAJAR. -- BERNAMA 1540/SZ